

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 / 11 / 2010

BH-30/11/2010  
**Pelaburan  
domestik  
teras capai  
Wawasan  
2020: Dr M**

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan harus mengubah strategi bagi mencapai Wawasan 2020 dengan memberikan tumpuan kepada pelaburan langsung domestik (DDI) sebagai teras pertumbuhan ekonomi supaya matlamat menjadi negara maju menjelang 2020 tercapai.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada pelaburan langsung dari negara luar (FDI) untuk memacu pertumbuhan ekonomi kerana negara lain di Asia lebih berdaya saing dalam menawarkan kos produktiviti murah kepada pelabur luar.

"Strategi memberi tumpuan kepada DDI boleh menjamin pertumbuhan ekonomi negara dan negara menjadi lebih kaya berbanding pendekatan FDI.

"Kita mesti melihat dan melakukan kajian semula terhadap dasar dan kaedah yang diguna pakai secara kritikal untuk memastikan pertumbuhan ekonomi sejajar Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian di hadapan 400 peserta yang hadir mendengar syarahannya bertajuk 'Melihat Kembali Wawasan 2020' anjuran Institut Pemasaran Malaysia di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Institut Pemasaran Malaysia, Datuk Sharifah Mohd Ismail.

Sementara itu, ketika ditanya peserta rancangan Permodalan Nasional Berhad membina Menara Warisan, Dr Mahathir mengingatkan pembinaan bangunan 100 tingkat itu boleh menjadikan Lembah Klang berhadapan krisis harga hartanah.

"Kita harus berhati-hati kerana kebanyakan pembeli hartanah adalah spekulator dan berharap dapat mengaut keuntungan daripada pembelian apabila harga hartanah naik," katanya.

"Kalau kamu tanya saya, saya cakap kita tak perlukan bangunan menara 100 tingkat dan saya lihat ada banyak papan tanda 'untuk dijual' serta 'untuk disewa' apabila saya berjalan-jalan....maknya sudah ada banyak bangunan.," katanya.